

STANDARD OPERATING PROCEDURES (SOP) BAGI PEMBAYARAN FI ESIJIL 3P MELALUI *ELECTRONIC PAYMENT (ePAYMENT)*

1. PENDAHULUAN

- 1.1. ePayment merupakan sistem kendalian Dagang Net (DNT) yang membolehkan pembayaran fi eSijil 3P (pelabelan, pengredan dan pembungkusan) dibayar secara elektronik;
- 1.2. Ia memberi kemudahan pemindahan dana dari syarikat pengimport/ pengeksport ke Akaun Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang dihantar melalui sistem *Financial Process Exchange (FPX)* yang dikendalikan oleh Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd (MyClear) , anak syarikat Bank Negara Malaysia (BNM);
- 1.3. Transaksi ini tidak melibatkan tunai dan cek serta tidak memerlukan jaminan bank;
- 1.4. Kaedah pembayaran melalui sistem ePayment menjamin keselamatan hasil negara;
- 1.5. Transaksi ini mengurangkan kesesakan di kaunter bayaran dan mempercepatkan pelepasan dagangan daripada kawalan FAMA.

2. TUJUAN / SKOP

- 2.1. SOP ini dikeluarkan untuk menetapkan panduan prosidur pembayaran fi eSijil3P melalui sistem ePayment;
- 2.2. Garis panduan ini bertujuan untuk menyeragamkan prosidur di semua stesen FAMA, DNT, bank-bank dan pihak pengimport/ pengeksport yang menggunakan sistem ePayment.

3. FALLBACK PROCEDURE

- 3.1. SOP ini juga menjelaskan prosedur *fallback* yang membenarkan kaedah atau cara alternatif jika pemprosesan pembayaran secara elektronik tidak dapat dilakukan contohnya apabila berlaku kegagalan/gangguan sistem;
- 3.2. Procedure penyelesaian perlu di patuhi sekiranya berlaku kegagalan transmisi sistem eSijil 3P dan ePayment pada mana-mana pihak mengikut mod perjalanan dan dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut:
 - a) Permit Import - 1 jam selepas sistem tergendala;
 - b) Permit eksport – 2 jam selepas sistem tergendala.
- 3.3. Bank-Bank/MYCLEAR (*FPX Service provider*)
 - 3.3.1 Sekiranya berlaku sebarang kegagalan sistem FPX (pembayaran eSijil 3P tergendala) dan sebaik sahaja sistem pulih, pihak MyClear hendaklah memaklumkan kepada Careline (DNT) untuk dipanjangkan kepada pihak pengimport/pengeksport melalui Integrated Broadcast System (IBS) iaitu melalui emel, faksimili dan MyClear;

3.3.2 Pihak MyClear perlu memastikan kesahihan transaksi dan memaklumkan kepada bank pembayar dan bank penerima untuk dipanjangkan kepada pihak pengimport/pengekspor melalui Careline;

3.3.3 Apabila berlaku masalah pada sistem bank yang mungkin menyebabkan kelewatan/kegagalan sistem ePayment, maka pihak bank hendaklah memaklumkan kepada Careline (DNT) untuk dipanjangkan kepada pihak FAMA. Dalam situasi sedemikian, maka bayaran fi eSijil 3P boleh dibuat melalui tunai, cashier order dan bank draft.

3.4 Sekiranya berlaku kegagalan proses pembayaran di pihak:

3.4.1 Bank Pembayar (Buyer Bank)

Pihak pengimport/pengekspor akan memaklumkan kepada Careline bagi tujuan pengaktifan semula status (reset) 'ready for payment' pada aplikasi ePayment sebelum pembayaran semula boleh dilakukan

3.4.2 Bank Penerima (Seller Bank – Maybank)

Pihak pengimport/pengekspor akan menghubungi Careline untuk mendapatkan BCA. Bank Penerima akan menghantar BCA kepada pihak FAMA secara faksimili.

3.4.3 Bank Penerima (Seller Bank-Mayank) bertanggungjawab untuk menyemak transaksi kredit ke akaun jika terdapat sebarang ketidakpastian transaksi kredit.

4. DAGANG NET

Sekiranya berlaku sebarang kegagalan sistem/sistem tergendala dan sebaik sahaja sistem pulih, pihak Dagang Net hendaklah memaklumkan kepada pihak FAMA dan pihak pengimport/pengekspor dan bank melalui Integrated Broadcast System atau (eSijil3P webpage).

5. SYARIKAT PENGIMPORT / PENGEKSPORT

5.1 Jika pembayaran telah dihantar dari system eSijil 3P kepada ePayment tidak dapat diproses kerana kegagalan sistem/sistem tergendala, pihak syarikat pengimport/pengekspor mempunyai pilihan sama ada:

- a) Membuat pembayaran secara tunai, cahiers order dan bank draft atau;
- b) Menghantar arahan pembayaran eSijil3P melalui sistem ePayment sebaik sahaja sistem pulih.

5.2 Apabila arahan pembayaran eSijil 3P dihantar dengan status Completed Report (lampiran 1(c)) kepada pihak FAMA, mereka hendaklah mengesahkan transaksi tersebut melalui :

- a) Surat pengesahan pembayaran eSijil 3P (BCA) lampiran 1(e) daripada Maybank (hanya pada hari bekerja sahaja) atau;
- b) Sistem Maybank 2E dengan merujuk kepada Collection Enquiry Screen (lampiran 1(d))

5.3 Pihak syarikat pengimport/pengekspor hendaklah membuat pembayaran secara tunai, cashiers order atau bank draft kepada pihak FAMA sekiranya transaksi tersebut tidak dipaparkan di sistem eSijil 3P atau sistem bank.

5.4 Kegagalan Sistem eSijil 3P

Sekiranya berlaku sebarang kegagalan sistem aplikasi eSijil 3P dan ePayment, dan pembayar tidak berjaya dihantar ke sistem bank, pihak syarikat pengimport/pengekspor mempunyai pilihan sama ada :

- a) Menghantar semula arahan pembayaran apabila sistem pulih atau;
- b) Membuat pembayaran secara tunai, cashiers order dan bank